

26/02/2001

Penilaian Rustam ada unsur politik: Zainuddin

KUALA LUMPUR, Ahad - Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin menyifatkan dakwaan beliau mempengaruhi Sasterawan Negara, Datuk Usman Awang untuk menerima satu anugerah daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai boleh merendahkan martabat sasterawan itu.

Beliau menyifatkan dakwaan Naib Presiden Parti Rakyat Malaysia, Rustam A Sani, itu sebagai penilaian peribadi yang dikongkong fahaman politik.

Zainuddin berkata, Rustam juga membuat penilaiannya sendiri dengan menyatakan tokoh wartawan negara, Tan Sri Samad Ismail dan wartawan veteran, Datuk Mazlan Nordin merendahkan reputasi mereka dengan bekerja di New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis).

"Dakwaan Rustam itu boleh disifatkan sebagai membuat penilaian sendiri. Dengan menyatakan perasaan memandang rendah pada institusi itu, ia bukan bukti semua pihak berfikiran sebegitu.

"Pandangan Rustam itu bukan pandangan umum, sebaliknya pemikiran sendiri yang terkongkong di bawah tempurung politik kepartiannya sendiri," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, akhbar melaporkan Rustam dalam satu kenyataan kepada lidah rasmi Pas keluaran terbaru mendakwa, Zainuddin berbuat demikian untuk mengatasi pengaruh Sasterawan Negara, Datuk Shahnnon Ahmad yang menggegarkan dunia sastera dengan novelnya *Shit*.

Rustam turut mendakwa bahawa reputasi Samad dan Mazlan turut menjadi mangsa dan hilang rasa hormat rakan seperjuangan kerana mereka melakukan tugas yang sama seperti yang dilakukan oleh Zainudin di NSTP dan Isis.

Zainuddin berkata, beliau mengambil langkah menghargai Usman kerana mahu orang yang sudah berjasa besar kepada Kumpulan Utusan Melayu merasakan penghargaan semasa hayat mereka.

"Ramai orang yang ingin merasa besar dalam kekecilannya lalu membabitkan orang lain dalam pandangannya sendiri. Demikian juga Rustam apa bila dia mendakwa Pak Samad dan Usman Awang rosak reputasi mereka dengan bekerja di institusi tertentu atau kerana menerima anugerah," katanya.

Zainuddin menjelaskan, tindakannya menghargai Usman secara serta merta apabila mendapat tahu Usman uzur, dan ingin orang yang berjasa besar kepada Utusan Melayu dihargai semasa hayatnya.

"Hal yang sama dilakukan kepada Tan Sri Samad Ismail dan juga Syed Zahari yang juga menaikkan nama Utusan Melayu. Walaupun Syed Zahari mengepalai mogok pekerja Utusan Melayu yang didalangi oleh golongan sosialis tetapi Utusan Melayu sanggup menerbitkan bukunya.

"Saya kesal apabila Rustam kini sudah kehilangan intelektualnya kerana berada dibawah tempurung politik kepartiannya sendiri. Saya kecewa kerana Rustam tidak lagi dapat menilai sesuatu peristiwa dengan pemikiran bebas dan dengan pandangan yang objektif.

"Maka dengan itu tidaklah hairan jika Rustam tidak dapat melihat kebenaran berhubung peningkatan rating TV3, RTM dan edaran akhbar di negara ini," katanya.

(END)